



**KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION


**TERMA RUJUKAN  
PELANTIKAN PEGAWAI PENYELARAS  
SISTEM KRSTE.MY**

MOSTI/ISMS/P2/007/R/04

**PUSAT MAKLUMAT SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA (MASTIC)**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**

Aras 4, Blok C5, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62662 Putrajaya



**TERMA RUJUKAN PELANTIKAN  
PEGAWAI PENYELARAS  
SISTEM KRSTE.MY**

No. Dokumen <b>MOSTI/ISMS/P2/007/R/04</b>	
Versi	1
Tarikh	12/01/2022
Muka Surat	<b>2 of 7</b>

**KAWALAN DOKUMEN**

<b>Maklumat Semakan</b>				
<b>Tarikh</b>	<b>Keluaran</b>	<b>Perubahan Bahagian/Muka Surat</b>	<b>Penerangan Perubahan</b>	<b>Disediakan/Dipinda Oleh</b>
24/02/2023	1.0	Tidak Berkенаan	Keluaran Pertama	Suriati Binti Mokhlis
4/12/2023	1.1	Penambahan dalam para 1.1. : 'atau berdasarkan siri pelantikan. Dalam tempoh pelantikan, jika pegawai penyelaras berpindah atau bertukar daripada jabatan/agensi ianya perlu dimaklumkan dengan pengganti kepada pentadbir KRSTE.my' Para 4.7 ditambah	Keluaran Kedua	Uwarani Krishnan

**Kelulusan Dokumen**

<b>Disediakan Oleh</b>	<b>Disemak dan Disahkan Oleh</b>
Tarikh: 11/2023	Tarikh: 11/2023

 <b>KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI</b> <small>MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION</small>	<b>TERMA RUJUKAN PELANTIKAN PEGAWAI PENYELARAS SISTEM KRSTE.MY</b>	<b>No. Dokumen MOSTI/ISMS/P2/007/R/04</b> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Versi</td><td style="padding: 2px; text-align: center;">1</td></tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tarikh</td><td style="padding: 2px; text-align: center;">12/01/2022</td></tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Muka Surat</td><td style="padding: 2px; text-align: center;"><b>3 of 7</b></td></tr> </table>	Versi	1	Tarikh	12/01/2022	Muka Surat	<b>3 of 7</b>
Versi	1							
Tarikh	12/01/2022							
Muka Surat	<b>3 of 7</b>							

## **TERMA RUJUKAN PELANTIKAN PEGAWAI PENYELARAS SISTEM KRSTE.MY**

### **1. PELANTIKAN PEGAWAI PENYELARAS**

- 1.1. Pegawai penyelaras adalah ahli tetap yang dilantik oleh Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) melalui cadangan Pengurusan atasan jabatan/ agensi berkenaan dan sah pelantikannya bagi tempoh **dua tahun dari tarikh pelantikan atau berdasarkan siri pelantikan. Dalam tempoh pelantikan, jika pegawai penyelaras berpindah atau bertukar daripada jabatan/ agensi ianya perlu dimaklumkan dengan pengganti kepada pentadbir KRSTE.my.**
- 1.2. Pegawai penyelaras yang dilantik hendaklah melaksanakan tugasnya berdasarkan terma rujukan pegawai penyelaras dan **bertanggungjawab atas pengumpulan maklumat dan kesahihan data** yang di bekalkan dari jabatan / agensi masing-masing.
- 1.3. Pelantikan pegawai penyelaras jabatan/ agensi adalah bertujuan untuk:

<b>BIL</b>	<b>MODUL</b>	<b>PERANAN</b>
1.	Modal Insan (MyHRSTI)	Menyelaras pengemaskinian maklumat profil modal insan STI termasuk pakar dalam bidang STI dan penerbitan yang dihasilkan.
2.	Kemudahan dan Peralatan Saintifik (NSFE)	i. Menyelaras pengemaskinian senarai kemudahan dan peralatan STI yang terdapat di agensi; dan ii. Sebagai <i>focal point</i> inisiatif perkongsian kemudahan dan peralatan yang terdapat di jabatan/ agensi masing-masing.
3.	R&D Project Bank	Menyelaras pengemaskinian senarai projek, maklumat pembentangan dan output projek dengan mengikut format yang telah ditetapkan oleh MASTIC.
4.	TECHMart	Menyelaras pengemaskinian senarai produk/ teknologi dengan mengemukakan maklumat produk/ teknologi yang berpotensi dikomersialkan.

 <b>KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI</b> <small>MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION</small>	<b>TERMA RUJUKAN PELANTIKAN PEGAWAI PENYELARAS SISTEM KRSTE.MY</b>	<b>No. Dokumen MOSTI/ISMS/P2/007/R/04</b>
	Versi	1
	Tarikh	12/01/2022
	Muka Surat	<b>4 of 7</b>

## 2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENYELARAS MODUL MODAL INSAN (MyHRSTI)

- 2.1. Pegawai Penyelaras yang dilantik bertanggung jawab untuk membuat penyelarasan pelaksanaan aktiviti pengumpulan dan pengemaskinian data bagi modul MyHRSTI di KRSTE.my
- 2.2. Memberi maklum balas dan menghadiri mesyuarat/ bengkel berkaitan modul tersebut.
- 2.3. Memaklumkan hebahan aktiviti pengumpulan dan pengemaskinian data profil modal insan STI di peringkat agensi mengikut definisi yang ditetapkan seperti para 6.
- 2.4. Pegawai Penyelaras berperanan untuk menyemak dan memperakui profil modal insan yang telah dikemas kini.
- 2.5. Pegawai Penyelaras bertanggungjawab untuk memastikan setiap kakitangan/ modal insan baru di agensi berdaftar dengan KRSTE.my.
- 2.6. Pegawai Penyelaras bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada MASTIC berkenaan data yang perlu dikeluarkan sekiranya kakitangan/ modal insan berpindah atau tamat perkhidmatan.

## 3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENYELARAS PANGKALAN DATA KEMUDAHAN DAN PERALATAN STI

- 3.1. Pegawai Penyelaras yang dilantik bertanggung jawab untuk membuat penyelarasan pelaksanaan aktiviti pengumpulan dan pengemaskinian data kemudahan dan peralatan di KRSTE.my.
- 3.2. Memberi maklum balas dan menghadiri mesyuarat/ bengkel berkaitan modul tersebut.
- 3.3. Memaklumkan hebahan aktiviti pengumpulan dan pengemaskinian data untuk modul Kemudahan dan Peralatan STI yang dimiliki oleh agensi masing-masing mengikut **definisi** yang ditetapkan di para 6.
- 3.4. Pegawai Penyelaras berperanan untuk mengenai pasti pegawai pengawal (pengurus makmal) setiap kemudahan/ makmal yang bertanggungjawab menyediakan dan mengemas kini maklumat ke dalam sistem. Selain itu,

 <b>KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI</b> <small>MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION</small>	<b>TERMA RUJUKAN PELANTIKAN PEGAWAI PENYELARAS SISTEM KRSTE.MY</b>	<b>No. Dokumen MOSTI/ISMS/P2/007/R/04</b>
	Versi	1
	Tarikh	12/01/2022
	Muka Surat	<b>5 of 7</b>

Pegawai Penyelaras juga bertanggungjawab untuk memastikan setiap pegawai pengawal berdaftar dengan KRSTE.my.

- 3.5. Pegawai Penyelaras bertanggungjawab menyelaras dan mengesahkan data kemudahan dan peralatan sebelum dimuat naik ke dalam sistem.
- 3.6. Pegawai Penyelaras bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak MASTIC sekiranya terdapat sebarang perubahan data yang berkaitan dengan status perkongsian kemudahan dan peralatan ini.
- 3.7. Melaksanakan inisiatif perkongsian kemudahan dan peralatan di peringkat jabatan/ agensi MOSTI.

#### **4. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENYELARAS PANGKALAN DATA R&D PROJEK BANK**

- 4.1. Pegawai Penyelaras yang dilantik bertanggung jawab untuk membuat penyelarasan pelaksanaan aktiviti pengumpulan dan pengemaskinian data bagi modul R&D Projek Bank di KRSTE.my.
- 4.2. Memberi maklum balas dan menghadiri mesyuarat/ bengkel berkaitan modul tersebut.
- 4.3. Melaksanakan aktiviti pengumpulan dan pengemaskinian data R&D Projek Bank yang dimiliki oleh agensi masing-masing mengikut **definisi** yang ditetapkan seperti di para 6.
- 4.4. Pegawai Penyelaras bertanggungjawab untuk memastikan setiap penyelidik termasuk ketua projek dan penyelidik berkaitan berdaftar dengan KRSTE.my.
- 4.5. Pegawai Penyelaras bertanggungjawab menyelaras dan mengesahkan data R&D Projek Bank sebelum dikemukakan kepada pegawai MASTIC.
- 4.6. Pegawai Penyelaras bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak MASTIC sekiranya terdapat sebarang perubahan data yang berkaitan.
- 4.7. Bagi perkongsian data projek menggunakan kaedah *Application Programming Interface (API)*, Pegawai Penyelaras masih perlu melaksanakan pengemaskinian data bagi medan tambahan dalam sistem KRSTE.my.

#### **5. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENYELARAS PANGKALAN DATA TECHMART**

 <b>KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI</b> <small>MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION</small>	<b>TERMA RUJUKAN PELANTIKAN PEGAWAI PENYELARAS SISTEM KRSTE.MY</b>	<b>No. Dokumen MOSTI/ISMS/P2/007/R/04</b>
	Versi	1
	Tarikh	12/01/2022
	Muka Surat	<b>6 of 7</b>

- 5.1. Pegawai Penyelaras yang dilantik bertanggung jawab untuk membuat penyelarasan pelaksanaan aktiviti pengumpulan dan pengemaskinian data bagi pangkalan data TECHMart di KRSTE.my.
- 5.2. Memberi maklum balas dan menghadiri mesyuarat/ bengkel berkaitan modul tersebut.
- 5.3. Melaksanakan aktiviti pengumpulan dan pengemaskinian data TECHMart yang dimiliki oleh agensi masing-masing mengikut **definisi** yang ditetapkan seperti di para 6.
- 5.4. Pegawai Penyelaras bertanggungjawab untuk memastikan setiap *inventor* berkaitan berdaftar dengan KRSTE.my.
- 5.5. Pegawai Penyelaras berperanan untuk mengenal pasti produk/ teknologi yang dikomersialkan/ berpotensi dikomersialkan dan bertanggungjawab menyediakan maklumat mengikut format yang disediakan oleh pihak MASTIC.
- 5.6. Pegawai Penyelaras bertanggungjawab menyelaras dan mengesahkan data produk/ teknologi organisasi masing-masing melalui KRSTE.my sebelum dikemukakan kepada pihak MASTIC.
- 5.7. Pegawai Penyelaras bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak MASTIC sekiranya terdapat sebarang perubahan data yang berkaitan.

## 6. DEFINISI

- 6.1. Berdasarkan kepada Canberra Manual, Modal Insan STI didefinisikan sebagai:
  - i. seseorang yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat *tertiary* dalam bidang S&T; atau
  - ii. seseorang yang bekerja dalam bidang S&T walaupun tidak memiliki sebarang kelayakan dalam bidang pengajian di peringkat *tertiary* dalam bidang S&T.
- 6.2. Definisi bagi kemudahan S&T adalah premis yang menempatkan peralatan saintifik untuk menjalankan aktiviti penyelidikan saintifik secara aktif seperti makmal penyelidikan, pusat data, pusat pemantauan dan tapak ujian. Contoh: Makmal Penyelidikan dan Jaminan Kualiti (JKM). Premis ini juga **berkapasiti melaksanakan perkhidmatan STI seperti kalibrasi, ujian dan analisis**.

 <b>KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI</b> <small>MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION</small>	<b>TERMA RUJUKAN PELANTIKAN PEGAWAI PENYELARAS SISTEM KRSTE.MY</b>	<b>No. Dokumen MOSTI/ISMS/P2/007/R/04</b>
	Versi	1
	Tarikh	12/01/2022
	Muka Surat	<b>7 of 7</b>

Contohnya ujian paterniti, analisis air, kalibrasi peralatan saintifik dan analisis sisabaki racun dalam makanan.

- 6.3. Definisi bagi peralatan STI adalah Semua peralatan saintifik yang digunakan untuk aktiviti R&D, pembelajaran, pengujian dan pemantauan:
  - i. bernilai RM100,000.00 dan ke atas. Contoh: Liquid Chromatograph; atau
  - ii. peralatan unik; atau
  - iii. pembelian peralatan menggunakan mana-mana peruntukan bawah dana MOSTI (tidak termasuk glassware, consumables, non-mechanical & etc).
- 6.4. Definisi bagi R&D Projek Bank merupakan pangkalan data yang mengandungi senarai senarai STI projek daripada Rancangan Malaysia ke- 8 hingga yang terkini bertujuan untuk memaparkan maklumat pencapaian dana penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan terhadap projek- projek STI.
- 6.5. Definisi bagi Techmart merupakan pangkalan data yang mengandungi senarai produk/teknologi tempatan yang berpotensi untuk dikomersialkan atau telah dikomersialkan yang telah dihasilkan oleh sektor awam dan swasta serta projek-projek yang telah siap dibangunkan hasil daripada aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

## 7. KERAHSIAAN

- 7.1. Pegawai Penyelaras yang dilantik hendaklah pada setiap masa memastikan kerahsiaan setiap data dan kegunaan data hanyalah untuk tujuan pengemaskinian pangkalan data MOSTI sahaja.

## Seksyen Perkhidmatan Maklumat

Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC)  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

November 2023